



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

IBU BAPA CEMERLANG, ANAK-ANAK GEMILANG

Tarikh Dibaca :

7 Jamadilawal 1441H/

3 Januari 2020M

Disediakan oleh :

**Cawangan Khutbah dan Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**

**IBU BAPA CEMERLANG, ANAK-ANAK GEMILANG**

3 Januari 2020M/ 7 Jamadilawal 1441H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
 سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
 صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا

تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Rebutlah peluang kehadiran tahun baru ini dengan berazam untuk meningkatkan nilai taqwa kepada Allah SWT. Berusahalah untuk memberi kebaikan kepada seramai mungkin manusia, di samping bermuhasabah untuk tidak mengulangi segala kesilapan yang pernah dilakukan. Jadikanlah akhirat sebagai matlamat, agar dunia yang digenggam menjadi modal yang paling berharga untuk menggapai redha Ilahi.



Pada hari yang mulia ini, marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk "**Ibu Bapa Cemerlang, Anak-Anak Gemilang**"

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Setiap detik perjalanan kehidupan adalah satu pengembaraan menuju Allah SWT. Dunia yang dihadirkan di hadapan kita, adalah ruang yang dikurniakan Allah SWT untuk kita mencari dan mengumpul sebanyak mungkin modal sebagai bekalan meniti kehidupan akhirat yang kekal abadi. Di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari rahimahullah, pernah suatu ketika, Abdullah bin Umar r.huma didatangi oleh Rasulullah saw, lalu Baginda SAW memegang kedua-dua bahunya sambil bersabda dan berpesan:

كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ ، أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ

Bermaksud : "Jadilah kamu di dunia ini seolah-olah kamu adalah orang asing atau pengembara"

Bukankah Allah SWT telah memberikan peringatan kepada kita mengenai hakikat kehidupan dunia ini, melalui firmanNya di dalam surah Ghaafir, ayat 39:

يَقَوْمِ إِنَّمَا هَذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا مَتَعٌ وَإِنَّ الْأَخْرَةَ هِيَ دَارُ الْقَرَارِ ﴿٣٩﴾

Bermaksud: "Wahai kaumku! Sesungguhnya kehidupan dunia ini hanyalah kesenangan (untuk sementara waktu sahaja), dan sesungguhnya hari akhirat itulah sahaja negeri yang kekal."

Namun, dalam menuju kehidupan akhirat, nikmat hidup yang kita tempuhi sekarang perlulah dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Sempena



kehadiran tahun baru 2020 ini, saya menyeru diri saya dan siding Jemaah sekalian, marilah kita perbaharui azam, tanamkan cita-cita, berjalan mengatur langkah, tetapkan suatu sasaran yang lebih baik dalam setiap lapangan kehidupan, bukan sahaja dalam aspek pekerjaan, bahkan dalam aspek kehidupan bersosial dan bermasyarakat.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Perancangan yang dilakukan untuk mencapai sasaran yang dihajati, perlu berada di landasan yang selari dengan kehendak Allah SWT. Walau apa pun tanggungjawab kita sebagai khalifah di muka bumi ini, terutama sebagai ibu bapa yang bertanggungjawab terhadap keluarga dan komuniti setempat, kita hendaklah memastikan nilai taqwa dalam diri menjadi tunjang dalam setiap tindakan. Lebih-lebih lagi di permulaan tahun baru 2020 ini, terutama permulaan sesi persekolahan yang sangat mencabar bukan sahaja terhadap ibu bapa bahkan anak-anak yang baru memasuki gerbang persekolahan.

Justeru, berazamlah untuk menjadi ibu bapa yang mendidik dan membentuk anak-anak, bukan hanya sekadar melepaskan tanggungjawab kepada pihak sekolah semata-mata. Dalam memastikan keseimbangan pendidikan anak-anak kita, tiga aspek yang perlu diberi perhatian oleh setiap ibu bapa iaitu :

Pertama: Pendidikan Jasmani

Ia merangkumi penyediaan makan minum, pakaian, tempat tinggal yang selamat dan mampu memelihara kesejahteraan fizikal mereka. Semua sumber-sumber penyediaan ini perlu dipastikan diperolehi dari sumber yang halal, bersih, menyihatkan dan menjamin kesejahteraan tumbesaran tubuh badan mereka.

Kedua: Pendidikan Rohani



Jiwa anak-anak perlu dipupuk dengan iman dan akidah yang benar. Taat mengerjakan solat dan kuat menjauhi maksiat dengan iman yang ditanam. Tabah dan sabar dalam menghadapi ujian dan cabaran kehidupan.

Ketiga: Pendidikan Akhlak

Anak-anak juga perlu dididik dengan budi pekerti yang mulia. Mereka perlu dilatih dengan melazimi akhlak-akhlak terpuji seperti bercakap benar, amanah, menyempurnakan tugas, pemurah dan bertimbang rasa. Di samping itu mereka dididik untuk menjauhi sikap dan perlakuan yang tercela seperti suka berbohong, pamarah, dengki dan iri hati.

Dalam memastikan ketiga-tiga aspek ini dipupuk dan dibangunkan secara berkesinambungan antara satu dengan yang lain, proses tarbiah ini perlu disusun dengan kemas dan sempurna. Antara langkah langkah yang perlu dilakukan oleh ibu bapa bagi menyempurnakan pendidikan anak-anak mereka ialah dengan menyediakan keperluan hidup sebaik mungkin. Ibu bapa yang berjaya mempersiapkan keperluan akan dapat memagar anak-anak daripada terdedah mencari keperluan hidup di luar. Situasi ini akan menyelamatkan mereka dari terlibat dengan pelbagai kancas kerosakan dalam masyarakat.

Dalam pada itu, ibu bapa mestilah sentiasa memberi nasihat dan pedoman ke arah kebaikan. Bimbinglah mereka agar sentiasa memelihara diri daripada terjebak dengan kemungkar. Inilah yang dilakukan oleh Luqman al-Hakim dalam mendidik anaknya. Pelbagai bentuk nasihat diberikan untuk memastikan anaknya ingat dan sentiasa terpandu melazimi ketaatan. Antara pesanan beliau ialah memelihara iman dan menjauhi syirik, mendirikan solat, berbuat baik kepada ibu bapa, mengikhlaskan amalan kerana Allah,



menjayakan amar makruf nahi mungkar, bersabar dengan ujian hidup dan merendah diri sesama manusia.

Seterusnya, ibu bapa mestilah sentiasa mengawasi tingkah laku dan sentiasa memperbetulkan kesilapan mereka. Elakkan daripada mencela dan memaki dalam mendidik anak-anak. Inilah yang diperingatkan di dalam hadis yang diriwayatkan Imam Al-Tirmizi daripada Abdullah bin Mas'ud RA, Rasulullah SAW bersabda:

لَيْسَ الْمُؤْمِنُ بِالطَّعَّانِ وَلَا اللَّعَّانِ وَلَا الْفَاحِشِ وَلَا الْبَدِيِّ

Bermaksud: *“Orang beriman bukan mereka yang suka mencela, mengutuk, bercakap kotor dan keji.”*

Jika sekiranya setiap ibu bapa memainkan peranan masing-masing dalam mendidik anak-anak, mimbar yakin dan percaya mereka akan menjadi pelajar yang baik dan berdisiplin di sekolah. Curahan ilmu yang diberikan oleh guru-guru di sekolah akan lebih mudah diterima oleh mereka. Alangkah beruntungnya bagi ibu bapa yang anak-anaknya bukan sahaja cemerlang malah berakhlak mulia sebagai muslim sebenar.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita hayati bersama beberapa kesimpulan sebagai renungan :

Pertama: Kehidupan kita adalah sebenarnya seorang pengembara, maka bekalkanlah diri dengan modal yang memberi manfaat dunia dan akhirat.



Kedua: Jadilah ibu bapa yang berperanan dalam memastikan pendidikan anak-anak sentiasa terjamin dan terpelihara.

Ketiga: Berusahalah untuk menjadi ibu bapa yang sentiasa membentuk diri anak-anak dengan akhlak terpuji supaya mereka akan menjadi muslim sejati.

Firman Allah SWT di dalam surah Luqman ayat 17-18 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَبْنِيَّ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ إِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ

عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿١٧﴾ وَلَا تَصْعَرَ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ

فَخُورٍ ﴿١٨﴾

Bermaksud: “Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, cegahlah perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala musibah yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya. Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada setiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي



وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.



اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا
سري فدوك بكنيدا يغ دفتوان اكوغ ، السلطان عبد الله رعاية الدين المصطفى
بالله شاه ابن المرحوم سلطان حاج أحمد شاه المستعين بالله.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا سري فدوك بكنيدا راج فرمايسوري اكوغ،
تونكو (Tunku) حاهه عزيزة أمينة ميمونة إسكندرية بنت المرحوم المتوكل على
الله سلطان إسكندر الحاج.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَ الْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ،



إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.